

**TITAH UCAPAN RAJA MUDA PERLIS
DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL SEMPENA
MAJLIS ANUGERAH TOKOH SISWA (ATS) 2017
BERTEMPAT DI DEWAN ILMU, UniMAP, PAUH PUTRA
PADA 22 SEPTEMBER 2018, JAM 9.00 MALAM**

Bismillahirrahmanirrahim,

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

*“Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”
serta ‘Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP”.*

Alhamdulillah, Saya bersyukur kehadiran Allah Aza Wajalla kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua maka dapatlah kita bersama-sama pada malam yang sungguh indah lagi berbahagia ini.

Mula-mula sekali, Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia dan Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis beserta seluruh Jawatankuasa Pelaksana dalam memastikan kelancaran majlis pada malam ini.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran dif-dif kehormat serta sekalian yang turut hadir bersama kita.

Hadirin sekalian,

Tahniah kepada UniMAP kerana terpilih menjadi tuan rumah bagi majlis pada tahun ini. Sebagai Canselor, Saya turut berbangga di atas pemilihan UniMAP sebagai tuan rumah dan berbesar hati menerima kehadiran delegasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ke UniMAP. Bukan mudah menghimpun tokoh-tokoh pelajar dalam satu masa. Malah yang lain juga merupakan bakal pemimpin yang akan membarisi pemerintahan negara kelak. Saya yakin inilah wajah-wajah pemimpin masa depan Malaysia. Berikan tepukan gemuruh kepada diri saudara saudari!

Hadirin sekalian,

Bukan suatu yang mudah untuk bergelar sebagai tokoh. Seorang tokoh seharusnya mempunyai beberapa ciri yang tidak ada pada orang lain sama ada ia lahir dari dalam diri atau 'diasah' serta 'ditempa' agar mengikut acuan seorang tokoh. Saya menyeru agar ciri-ciri ini perlu ada dalam diri seorang tokoh iaitu:

Pertama - Kepimpinan

Kemampuan untuk memimpin tanpa memaksa atau menindas anak buah atau orang bawahan. Kepimpinan melalui tauladan di mana mempamerkan nilai diri positif yang mampu menjadi ikutan orang lain.

Kedua - Pemikiran Yang Tajam, Fokus Yang Tinggi

Pemikiran yang tajam akan meningkatkan tahap fokus seseorang. Otak akan bekerja dengan lebih kuat ketika sesuatu perkara sedang diberikan penumpuan yang tinggi di mana ia amat berguna dalam proses penyelesaian masalah.

Ketiga - Toleransi

Bertoleransi mengikut situasi di mana mampu memaafkan di kala mampu membalas. Mempertimbangkan pendapat orang lain dan mengamalkan asyura dalam membuat keputusan yang besar agar keputusan yang diambil itu adalah melalui persepakatan.

Keempat - Peribadi Mulia

Dalam peribadi mulia mempunyai beberapa nilai lain seperti berkata benar, jujur, amanah, berakidah dan berakhlak mulia yang menjadikan seseorang itu disenangi oleh kawan mahupun lawan.

Kelima - Bijak

Seorang yang dipanggil tokoh adalah seorang yang bijak dalam penilaian dan pertimbangannya. Tidak mudah dipengaruhi sewenang-wenangnya. Mampu berfikir di luar kotak dan pemikirannya kadangkala sukar difahami kerana dia adalah seorang yang istimewa dan cara berfikirnya juga berbeza.

Itu adalah antara ciri yang Saya percaya perlu ada dalam diri tokoh-tokoh di hadapan Saya ini. Namun selain daripada semua ciri di atas, Saya melihat ada satu kekurangan yang pasti boleh diperbaiki iaitu pemantapan jati diri bangsa Malaysia dan juga penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

CADANGAN PENGANJURAN KEM KETOKOHAN

Oleh itu, UniMAP sebagai sebuah UA mungkin boleh mengambil inisiatif bagi mengadakan program khusus kepada pelajar-pelajar terpilih (yang mempamerkan ciri ketokohan yang tinggi) dari seluruh IPT di Malaysia. Mereka ini boleh berhimpun

di UniMAP, mungkin bagi tempoh sebulan atau dua bulan bagi menjalani kem ketokohan di mana silibusnya direka khusus bagi melihat dan meningkatkan kekuatan ciri ketokohan yang ada dalam diri para pelajar.

Silibus ini pada pandangan Saya harus merangkumi (1) pemantapan jati diri sebagai bangsa Malaysia; (2) penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang intensif dari segi pengucapan awam dan penulisan; serta (3) pembentukan, penerapan dan pemantapan nilai-nilai ketokohan dalam diri pelajar.

Ini adalah sebagai salah satu persediaan kepada tokoh pelajar kita supaya mereka ini lebih bersedia untuk menghadapi masa hadapan yang kita tahu semakin mencabar dewasa ini. Sasaran untuk menjadi negara maju bukan satu omongan kosong sekiranya kita melihat ia sebagai satu keperluan mendesak yang memerlukan kita berusaha dengan lebih keras.

Hadirin sekalian,

Mengakhiri titah, Saya amat berharap agar penganugerahan ini akan menyuntik semangat tokoh-tokoh pelajar untuk terus menyumbang bakti kepada negara, nusa dan bangsa. Negara memerlukan orang seperti anda semua untuk menggerak dan memajukan negara. Semoga komitmen dan sikap bertanggungjawab yang ditunjukkan oleh saudara saudari sehingga layak digelar tokoh pelajar akan diteruskan sampai bila-bila. InsyaAllah.

Dengan ini, Saya dengan sukacita merasmikan 'Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2017'.

Sekian,

Wabilahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.